



Nama Pemohon : \_\_\_\_\_  
 Alamat Surat : \_\_\_\_\_  
 Menyurat : \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_  
 No. Permohonan : \_\_\_\_\_  
 TS : \_\_\_\_\_  
 No. : \_\_\_\_\_  
 KP/tentera/polis : \_\_\_\_\_  
 Tarikh Kelulusan : \_\_\_\_\_

**KELULUSAN PERMOHONAN BANTUAN TANAM SEMULA**

Tuan/Puan,

1 Tahniah, permohonan anda telah diterima dan diluluskan seperti berikut:-

LUAS KEBUN (HEK)	NO. LOT	PROGRAM	LUAS DILULUS (HEK)	JENIS TANAMAN	KADAR BANTUAN SEHEKTAR (RM)	JUMLAH KELAYAKAN (RM)

2 Jadual bayaran mengikut ansuran (mengikut kadar bantuan program)

ANSURAN	KADAR SEHEKTAR (RM)	JUMLAH KELAYAKAN (RM)	JENIS BANTUAN

1. Keperluan bekalan baja dan benih serta lain-lain bayaran kemajuan kerja yang dituntut hanya akan dilakukan setelah pihak pejabat menerima pemakluman melalui Borang TS14B-1.
2. Bagi mendapatkan pertimbangan bayaran bantuan ansuran pertama, tuan hendaklah menyediakan kawasan yang diluluskan diatas dan menyiapkannya untuk ditanam **TIDAK LEWAT DARIPADA TARIKH .....** . Sekiranya lewat daripada tarikh tersebut RISDA berhak untuk menanggungkan bayaran / membatalkan kelulusan tertakluk kepada peruntukan.
3. Pemberitahuan kebun telah siap **DITANAM** dibuat dengan mengembalikan **Borang TS14B-2**.
4. Tuan dikehendaki menyerahkan no. akaun semasa/simpanan ke pejabat dengan segera bagi tujuan bayaran bantuan.
5. Kelulusan permohonan bantuan tanam semula ini akan **DIBATALKAN** sekiranya semua atau sebahagian butiran maklumat pemohon, taraf pemilikan tanah dan/atau status kebun sebagaimana perakuan yang dibuat oleh pemohonan didapati tidak benar setelah dibuat pengesahan oleh pihak RISDA. Sekiranya permohonan telah menerima bayaran bantuan tanam semula bersabit dengan kelulusan ini, pemohon dikehendaki membayar balik semula jumlah wang yang telah dibayar oleh RISDA.
6. Bantuan tanam semula akan dibayar tertakluk kepada kelulusan yang diluluskan dan diusahakan.
7. Kelulusan ini adalah tertakluk kepada jumlah peruntukan sedia ada.

---

Pengarah RISDA Negeri/Pegawai RISDA  
Daerah/Jajahan/Bahagian

s.k

- i. Stesen : PRS - Simpang Renggam (cth)
- ii. SWK(jika permohonan melantik wakil kuasa)

\* Surat ini tiada tandatangan kerana dicetak oleh sistem komputer.

## SYARAT-SYARAT KELULUSAN BAYARAN BANTUAN ANSURAN PERTAMA

1. Lampiran ini menerangkan dengan lebih lanjut mengenai kerja yang perlu disiapkan di kawasan yang akan ditanam semula atau ditanam baru sebelum surat TS 14B dikembalikan ke Pejabat RISDA Negeri/Daerah/Jajahan/Bahagian yang berkenaan.
2. Tanah tuan/puan hendaklah disediakan mengikut Amalan Pertanian Yang Baik (GAP) seperti berikut :

### (a) Memusnahkan Lalang

Lalang hendaklah dimusnahkan hingga ke akar umbinya dengan sempurna sama ada secara mekanikal atau racun kimia.

### (b) Memusnahkan Pokok

Semua pokok getah atau pokok lain yang sedia ada hendaklah dimusnahkan. Walau bagaimanapun, beberapa batang pokok buah-buahan/saka yang masih berhasil boleh ditinggalkan dengan syarat tidak mengganggu kepadatan serta kesuburan pokok getah (tanaman utama) yang akan ditanam dan tertakluk kepada pengesahan Pegawai RISDA semasa lawatan pemeriksaan bantuan ansuran pertama.

Pokok-pokok boleh dimusnahkan mengikut kaedah berikut:

- ( i ) Menebang secara manual, atau
- ( ii ) Menebang dengan jentera.

### (c) Menghimpun Dan Melonggok Kayu

Kaedah pembersihan kawasan tanaman getah yang disyorkan ialah kaedah tanpa pembakaran (*zero burning*). Pokok-pokok yang ditebang/ditolak hendaklah dihimpun dalam barisan-barisan yang teratur dan sempurna. Jika perlu atau terpaksa dibakar, kebenaran daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS) hendaklah diperolehi terlebih dahulu oleh tuan kebun yang menanam semula. Segala syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh JAS hendaklah dipatuhi. Pokok-pokok yang ditebang tidak dibenarkan sama sekali dibuang di dalam paya, alur atau sungai. Semua kos permohonan membakar sisa tanaman adalah ditanggung oleh tuan tanah.

### (d) Menyediakan Teres

- ( i ) Kawasan berbukit atau curam iaitu 11° hingga 45° (darjah) hendaklah dibuat teres selebar 1.52 meter jika teres dibuat dengan tangan (manual) atau selebar 2.42 meter jika teres dibuat dengan jentera.
- ( ii ) Kawasan berpaya/ rendah yang bertakung air hendaklah disediakan parit yang sesuai dan secukupnya.

### (e) Menyediakan Baris Tanaman

Barisan tanaman hendaklah disediakan dengan sempurna mengikut jarak tanaman yang bersesuaian dengan keadaan tanah. Kayu-kayu pancang hendaklah dipacakkan dalam barisan tanaman mengikut jarak tanaman yang disyorkan seperti berikut:

TOPOGRAFI	JARAK TANAMAN (METER)	JUMLAH POKOK PER HEKTAR	JUMLAH POKOK DIBEKAL/DITANAM PER HEKTAR
Tanah Pamah atau beralun	5.00M x 4.00M	500	538
	5.25M x 3.75M	509	538
	6.10M x 3.05M	538	538
Tanah Berbukit	7.25M x 2.75M	502	538
	8.00M x 2.50M	500	538
	8.75M x 2.25M	508	538

**(f) Menyediakan Lubang Tanaman**

Lubang menanam hendaklah disediakan mengikut jarak yang ditandakan dengan kayu-kayu pancang yang telah dipacakkan dalam baris-baris tanaman. Ukuran lubang ialah 0.6 meter x 0.6 meter x 0.6 meter. Jika lubang dibuat dengan jentera, ia hendaklah mempunyai garis pusat selebar 0.45 meter dan kedalamannya 0.60 meter.

**(g) Penanaman**

- ( i ) Kerja-kerja menanam benih getah (tanaman utama) hendaklah dilaksanakan selepas lubang tanaman siap disediakan mengikut kaedah GAP.
- ( ii ) Sekiranya kawasan tanam semula ini berpotensi diserang oleh musuh tanaman seperti binatang liar, langkah keselamatan seperti membina pagar di sekeliling kebun perlu dibuat sebelum kerja menanam dilakukan.

**(h) Penyelenggaraan Kebun**

- ( i ) Rumpai di dalam kebun hendaklah dimusnahkan dengan racun kimia atau ditebas supaya sentiasa tidak melebihi 0.6 meter tinggi daripada paras tanah.
- ( ii ) Barisan tanaman utama selebar 1.0 meter hingga 3.0 meter hendaklah dibersihkan daripada rumpai.
- ( iii ) Tanaman kontan tidak dibenarkan ditanam di barisan tanaman utama 1.0 meter hingga 3.0 meter mengikut umur tanaman utama.

**3. Bayaran Bantuan**

- (a) Bantuan ansuran pertama boleh dibayar sekiranya kerja 2(a) hingga 2(h) kecuali kerja 2(g) telah dilakukan dengan sempurna dan diperakukan oleh pegawai RISDA.
- (b) Bantuan dibayar secara 5 kali ansuran dalam bentuk input pertanian dan tunai (jika ada).
- (c) Kejayaan pokok getah hidup subur hendaklah mempunyai **minimum 500 pokok sehektar sehingga bantuan ansuran akhir.**
- (d) Sekiranya bilangan pokok/ kepadatan **kurang daripada 500 pokok sehektar**, sulaman benih hendaklah di pohon kepada pihak RISDA.

**4. Maklumat Tambahan**

**(a) Amalan Agronomi Yang Disyorkan**

- ( i ) Meracun tunggul getah dengan kimia yang sesuai dan menabur belerang/BBOE Tricho dalam lubang menanam bagi mencegah kejadian penyakit akar.
- ( ii ) Menanam kekacang penutup bumi bagi mengawal rumpai, mengelakkan kejadian hakisan tanah dan menyuburkan tanah.
- ( iii ) Memasang pagar yang sesuai di kawasan yang terdedah kepada serangan binatang dan ternakan perosak.

- (iv) Meracun menggunakan racun rumpai/tumbuhan bagi memusnahkan rumpai dan kebun semak.

**(b) Benih Tanaman**

- ( i ) Benih getah mesti diperolehi daripada RISDA atau tapak semeian yang dibenarkan oleh RISDA kecuali biji/anak getah yang akan di cantum kemudian.
- ( ii ) Bantuan tidak akan di lulus atau denda akan dikenakan sekiranya benih getah diambil daripada sumber luar tanpa kebenaran daripada RISDA terlebih dahulu.

**(c) Bayaran Secara Kemajuan Kerja**

RISDA boleh menimbang dan meluluskan bayaran secara kemajuan kerja iaitu sebahagian daripada jumlah bantuan ansuran pertama kepada pekebun kecil individu yang layak bagi jenis kerja berikut:

- ( i ) Mengukur perimeter tanah (tanah NCR di Sarawak) setelah mendapat kelulusan bantuan.
- ( ii ) Menebang sahaja atau menebang dan membersihkan dengan jentera atau secara manual.
- ( iii ) Pembelian belerang bagi pekebun kecil di Semenanjung Malaysia.
- (iv) Pembekalan BBOE Tricho.

**(d) Pembangunan Tanam Semula Secara Berkumpulan**

Pekebun kecil amat digalakkan menyertai projek tanam semula secara berkumpulan. Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Pegawai RISDA berhampiran.